

28 JAN 2003

MAHATHIR: UMNO BOLEH KALAH KERANA PERBALAHAN DI KALANGAN AHLI

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau bimbang perbalahan di kalangan ahli Umno boleh menyebabkan parti itu kehilangan sokongan dan bukan kerana parti pembangkang kuat.

Perdana Menteri berkata beliau tidak fikir PAS boleh menjadi kuat apabila berlaku peperangan ke atas Iraq oleh Amerika Syarikat.

"Saya tidak fikir begitu. Saya fikir di Malaysia rakyatnya begitu rasional mengenai Islam dan tahu apa yang betul mengenai ajaran Islam.

"Saya tidak bimbang perkara itu, yang saya bimbang ialah perbalahan dalam parti saya, bukan kerana pihak yang satu lagi kuat," kata beliau dalam temu ramah dengan Asian Wall Street Journal yang disiarkan melalui CNBC TV, malam ini.

Kepada soalan sama ada berlaku perbalahan dalam Umno, Dr Mahathir berkata memang ada potensi apabila ada peluang untuk mengetuai parti.

"Untuk mendapatkan kedudukan itu, banyak perkara boleh berlaku seperti akan berlaku pertandingan," kata beliau.

-- BERNAMA

HS HS ZB